

**KESELAMATAN DALAM PERUMAHAN KOMUNITI BERPAGAR.
KAJIAN KES – APARTMENT PRIMA DAN TAMAN KRISTAL 2,
SEPANG SELANGOR**

NORAZMAN BIN MOHD NOOR

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
(Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi
Universiti Teknologi Malaysia

April 2010

DEDIKASI

Ucapan Terima Kasih Yang Tak Terhingga Di Atas Pengorbanan Kesabaran Dan
Masa Kepada Isteri Tercinta Dan Anak-anak Tersayang

Noorma Mohd Nor

Aiman Arsyad Dan Najwa Najibah

Dan Tidak Lupa Juga Kepada Ayahbonda

Mohd Noor Bin Mohamed

Halimah Bt Mohamad

Adik-beradik Serta Rakan Seperjuangan Yang Telah Memberi Bantuan
Dan Sokongan Moral

PENGHARGAAN

Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan rasa rendah diri memanjat kesyukuran yang tak terhingga ke hadrat Ilahi kerana dengan kekuatan serta nikmat kesihatan yang diberi maka dapat saya menyiapkan kajian penulisan saya ini.

Setinggi-tinggi penghargaan khas buat Profesor Dr. Megat Mohamed Ghazali Bin Megat Abdul Rahman selaku penyelia projek sarjana yang telah memberikan segala bentuk bimbingan, bantuan dan begitu komited sepanjang tempoh penyeliaan.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses penyelidikan yang telah dijalankan. Sumbangan buah fikiran dan bahan-bahan rujukan amat membantu dalam menghasilkan satu penyelidikan yang baik dan sempurna. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi semangat dan sokongan moral.

ABSTRAK

Projek perumahan komuniti berpagar (PKB) sudah menjadi satu tren terkini dalam sektor perumahan di sekitar Selangor. Warga tempatan yang minat membeli harta tanah atau menyewa premis dalam kawasan begini tidak keberatan meninggalkan persekitaran terbuka yang sudah sekian lama menjadi sebahagian kehidupan kita dan berundur ke suatu tempat yang terkurung dan lebih terkawal di sebalik tembok tinggi dan pagar besar. Orang ramai telah mula mencari skim perumahan komuniti berpagar yang boleh menyediakan keselamatan yang lebih baik. Akan tetapi komuniti berpagar bukan sukar dicerobohi. Pagar dan dinding kadangkala terlalu rendah dan membolehkan seseorang mudah memanjat masuk. Rondaan pengawal keselamatan 24 jam tidak meliputi keseluruhan komuniti dan ini disebabkan oleh batasan dan jumlah pengawal . Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan ciri-ciri keselamatan dalam pencegahan jenayah. Penulis memfokuskan kajian kepada persepsi penduduk terhadap pembangunan komuniti berpagar dan kemampuan dan keberkesanannya dalam pengurangan kadar jenayah di kawasan kajian. Maklumat kajian diperoleh melalui sumber-sumber primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui kajian soal selidik yang melibatkan 30 orang responden iaitu 15 responden daripada Apartmen Prima dan 15 responden daripada Taman Kristal 2. Kajian ini mendapati bahawa skim perumahan komuniti berpagar yang dianggap selamat, masih mempunyai kelemahan berdasarkan kepada kejadian jenayah yang berlaku di kawasan kajian.

ABSTRACT

The development of gated community projects (PKB) has become the latest housing development trend in Selangor. The local people who are keen in purchasing or renting such properties are willing to leave the conventional housing estate that has been the norm to retreat to an enclave secured behind high walls and imposing fences. People start seeking the gated community scheme that can provide better security. However, gated community is not impenetrable. Fencing and walls are sometimes too low and enough for someone to climb in. The 24 hour security patrols also may not cover the whole community at the same time due to the limit in amount. The aim of this study was to assess effectiveness security features in crime prevention. Writer concentrate study cover population profile, perception on gated community development, crime prevention and crime rate in study area. Information of the study obtained through both primary and secondary source. Primary data are collected through surveys involving 30 respondents (15 from Apartment Prima and 15 from Taman Kristal 2) in this area. From view of this research, gated community scheme was assumed as a secured living, but it still have their weakness, which based on criminal cases happened in this particular research area.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI FOTO	xiv
	DAFTAR KATA SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Matlamat Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	6

1.7	Metodologi Kajian	6
1.8	Struktur Organisasi Bab	10

2

KONSEP KESELAMATAN DALAM KOMUNITI BERPAGAR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Definisi Komuniti	13
2.3	Definisi Keselamatan	14
2.4	Definisi Komuniti Berpagar	14
2.5	Garis Panduan / Piawaian Perancangan	17
2.6	Jenis – Jenis Komuniti Berpagar	18
2.7	Ciri-Ciri Komuniti Berpagar	20
2.8	Perkembangan Komuniti Berpagar	22
2.9	Pengalaman Pembangunan Komuniti Berpagar Di Malaysia	29
2.10	Pengalaman Pembangunan Komuniti Berpagar di Negara Luar	35
2.11	Kesimpulan	42

3

KAWASAN KAJIAN

3.1	Pengenalan	44
3.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	45
3.3	Pihak Berkuasa Tempatan	47
3.4	Apartmen Prima, Kota Warisan	48
3.4.1	Peletakan	49
3.4.2	Konsep Pembangunan	52
3.5	Taman Kristal 2	53
3.5.1	Peletakan	54
3.5.2	Konsep Pembangunan	54
3.6	Kesimpulan	58

4	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Kaedah Kajian	59
4.2.1	Temu ramah	60
4.2.2	Pengedaran Borang Soal Selidik	60
4.2.3	Penyediaan Analisis Data	61
4.3	Analisis Profil	61
4.4	Analisis maklum balas Responden Terhadap Keselamatan Dalam Komuniti Berpagar	67
4.5	Analisis Terhadap Ciri-Ciri Keselamatan	73
4.6	Analisis Terhadap Kejadian Jenayah Yang Berlaku Dalam Kawasan Kajian	79
4.7	Kesimpulan	84
5	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	86
5.2	Penemuan Kajian	86
5.3	Cadangan Kajian	88
5.4	Masalah Dan Limitasi Kajian	89
5.5	Kajian Lanjutan	90
5.6	Kesimpulan	91
RUJUKAN		93
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Jenis Komuniti Berpagar Dan Nilai Sosialnya Di Amerika Syarikat	18
4.1	Kewarganegaraan Responden	62
4.2	Taburan Jantina responden Mengikut Bangsa bagi Apartmen Prima dan Taman Kristal 2	63
4.3	Struktur Umur Responden Di Kawasan Kajian	63
4.4	Status Perkahwinan Mengikut Kawasan Kajian	64
4.5	Taburan Taraf Pendidikan Responden Mengikut Kawasan Kajian	65
4.6	Jumlah Kasar Pendapatan Bulanan	66
4.7	Pemilikan Kenderaan	66
4.8	Persetujuan Dengan Konsep Pembangunan Komuniti Berpagar	67
4.9	Sebab Responden Memilih Untuk Tinggal Dalam Perumahan Sekarang	69
4.10	Maklum balas bahawa tinggal dalam ke atas komuniti berpagar lebih selamat	70
4.11	Maklumbalas Mengenai Perumahan Komuniti Berpagar Dapat Mengurangkan Jenayah	71
4.12	Maklumbalas Responden Mengenai Komuniti Berpagar Untuk Golongan Berpendapatan Tinggi	72
4.13	Maklumbalas Responden Bahawa Tinggal Dalam Komuniti Berpagar Dapat Mengurangkan	

	Perasaan Takut terhadap Jenayah	73
4.14	Ciri-Ciri Keselamatan Yang Disediakan	74
4.15	Keberkesanan Pintu Masuk Utama Yang Dilengkapi Rumah Pengawal Dan Palang/Penghalang	75
4.16	Keberkesanan Rondaan Pengawal Keselamatan	76
4.17	Keberkesanan Keberkesanan Pencahayaan Yang Mencukupi Pada Waktu Malam	77
4.18	Keberkesanan Rekabentuk Pengurangan Trafik	78
4.19	Keberkesanan Pas Kenderaan (pelekat kenderaan)	79
4.20	Pengalaman Responden Atau Ahli Keluarga Dalam Kejadian Jenayah Sepanjang Tempoh Tinggal di Kawasan Kajian.	80
4.21	Kejadian Jenayah yang pernah berlaku dalam Kawasan Kajian.	81
4.22	Keselamatan Terhadap Jenayah	82
4.23	Kepuasan Mengenai Ciri-Ciri Keselamatan Dalam Kawasan Kediaman	83
4.24	Tahap Kepuasan Ciri-ciri Keselamatan Di Kawasan Kediaman.	84

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta Aliran Kerja	9
2.1	Susun atur Perumahan Cluster di Bukit Gita Bayu	31
2.2	Contoh Susun atur Perumahan Cluster Yang Menggunakan Konsep “ <i>Gated Community</i> ” Di Singapura	37
2.3	Contoh Susun atur Perumahan “ <i>Gated Community</i> ” Di Kota Wisata, Cibubur, Indonesia	41
2.4	Contoh Susun atur Perumahan “ <i>Gated Community</i> ” Di Taman Duta Mas, Batam, Indonesia	42
3.1	Peletakan kawasan Dengkil dan Sepang	46
3.2	Pelan Lokasi Kota Warisan	50
3.3	Kediaman komuniti berpagar di Apartmen Prima (Kota Warisan)	51
3.4	Kawasan kediaman Apartmen Prima	53
3.5	Pelan lokasi Taman Kristal 2	56
3.6	Kediaman komuniti berpagar di Taman Kristal 2	57
3.7	Kawasan kediaman komuniti berpagar Taman Kristal 2	58

SENARAI FOTO

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Contoh Lakaran Perspektif Kawasan Perumahan “ <i>Gated Community</i> ”	30
2.2	Contoh Pondok Pengawal	31
2.3	Keadaan Semasa Kawasan Perumahan Country Heights, Kajang	32
2.4	Pandangan Taman Sierramas	34
2.5	Macquarie Links Estates, Australia	37
2.6	‘ <i>Gated Community</i> ’ di Sheffield, South Yorkshire	40

DAFTAR KATA SINGKATAN

DBKL	- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
KLIA	- Kuala Lumpur International Airport
MPS	- Majlis Perbandaran Sepang
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PKB	- Perumahan Komuniti Berpagar

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN - Borang Soal Selidik

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan komuniti berpagar merupakan tren pembangunan semasa yang mempunyai permintaan yang tinggi dalam pasaran harta tanah. Konsep ini menjadi popular kerana ia menyediakan kawalan keselamatan yang baik dan menjadikan sesebuah kawasan perumahan lebih selamat, selesa dan “*privacy*”. Konsep ini juga dilihat sebagai satu konsep yang terkini dan mempunyai kemudahan landskap, jalan raya dan kemudahan-kemudahan awam yang lengkap dan di selenggara dengan baik dan sempurna.

Sejarah konsep komuniti berpagar boleh merujuk balik ke Zaman Pertengahan Eropah dan tempoh Renaissance. Pada ketika itu, Kerabat Diraja dan bangsawan lain memperuntukkan enklaf berpagar untuk ahli keluarga dan pengikut mereka supaya bebas daripada ancaman peperangan dan pemberontakan. Edward J & Jeffrey McGuigan (2003). Walau bagaimanapun, konsep perumahan komuniti berpagar yang moden dimulakan di Amerika Syarikat pada awal abad ke-20. Amerika Syarikat merupakan Negara yang terawal menggunakan konsep komuniti berpagar dalam pembangunan perumahan

untuk golongan atasan di Pantai Timur Hollywood. Manakala dalam tahun 1960an hingga 1970an, komuniti berpagar mulai popular di kalangan kelas sederhana. Low (2003).

Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, Malaysia banyak dipengaruhi oleh konsep perancangan dan pembangunan perumahan yang diadaptasikan daripada pelbagai negara lain. Walaupun komuniti berpagar telah lama popular di tempat lain di dunia ini seperti di Florida, Arizona, Johannesburg, Pretoria, Lisbon, Madrid dan sebagainya, konsep ini secara relatifnya adalah baru di Malaysia. Ianya semakin diterima oleh masyarakat Malaysia dan menggalakkan profesional dalam pelbagai bidang seperti pereka, juru rancang, ahli sosiologi, peguam dan sebagainya yang secara tidak langsung terlibat dengan perlaksanaan kepada pemajuan komuniti berpagar di negara ini terutamanya di pusat-pusat bandar.

Pembangunan komuniti berpagar secara amnya memberi fokus kepada keselamatan komuniti dan kawasan berkawalan ketat. Pengamalan konsep komuniti berpagar di Malaysia adalah seperti di Bukit Gita Bayu, Sierramas dan Tropicana merupakan contoh perumahan yang menggunakan konsep ini yang antara lain menawarkan pelbagai kemudahan seperti padang golf, rumah kelab, kolam renang, gimnasium, padang tenis dan kawasan rekreasi. Maka, komuniti berpagar merupakan kombinasi bagi kawalan keselamatan, privasi dan gaya hidup penduduk itu sendiri.

Konsep komuniti berpagar yang semakin diminati ini merupakan pembangunan kediaman yang berpagar atau bertembok di mana ianya menyekat laluan awam, merupakan satu pilihan cara hidup, identiti dan status serta lebih penting, ianya adalah bagi memberi tindak balas terhadap kadar jenayah di kawasan perbandaran yang semakin meningkat.

Kajian ini menilai sejauh manakah konsep perumahan komuniti berpagar yang pada umumnya menawarkan ciri-ciri keselamatan berjaya mengatasi masalah jenayah yang semakin meningkat akhir-akhir ini. Kajian yang akan dijalankan di dua kawasan pilihan seperti di Apartmen Prima, Kota Warisan, Sepang dan Taman Kristal 2, Dengkil akan dijadikan sebagai kajian kes yang memfokuskan kepada aspek keselamatan komuniti.

1.2 Permasalahan Kajian

Pembangunan harta tanah yang berkonseptan komuniti berpagar dianggap sebagai salah satu langkah terbaik dalam menjaga keselamatan dan keselesaan penduduk di sesebuah kawasan perumahan kerana ianya berpagar dan dilengkapi kemudahan kawalan keselamatan sepanjang masa. Suasana “*privacy*” ini secara tidak langsung meningkatkan gaya hidup dan nilai harta tanah di kawasan tersebut.

Kadar jenayah pada masa kini semakin hari semakin membimbangkan. Di dada-dada akhbar sering kali mendedahkan isu-isu jenayah yang semakin meningkat. Secara tidak langsung, rasa takut di kalangan masyarakat terhadap keselamatan diri dan harta benda mulai meningkat. Ini menyebabkan pemaju-pemaju perumahan telah membentuk satu konsep perumahan yang menawarkan ciri-ciri kawalan keselamatan dan persekitaran yang selesa iaitu perumahan konsep komuniti berpagar.

Walau bagaimanapun terdapat persoalan dalam aspek keselamatan komuniti berpagar iaitu :-

- i. Adakah konsep komuniti berpagar berkesan dalam menangani pencegahan jenayah?

- ii. Mengkaji mengenai sejauh manakah aspek-aspek keselamatan diamalkan dalam komuniti berpagar
- iii. Apakah persepsi penduduk terhadap keberkesanan komuniti berpagar dalam pencegahan jenayah.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat untuk melaksanakan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan ciri-ciri keselamatan dalam perumahan komuniti berpagar dalam pencegahan jenayah.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah seperti di bawah:-

- i. Mengenal pasti konsep komuniti berpagar berdasarkan kepada ciri-ciri keselamatan.
- ii. Mengkaji tahap penerimaan masyarakat terhadap konsep perumahan komuniti berpagar dalam pencegahan jenayah.
- iii. Mengenal pasti dan mengkaji ciri-ciri keselamatan yang diamalkan dalam komuniti berpagar.

1.5 Skop Kajian

Kebanyakan kajian tentang Komuniti berpagar sebelum ini menumpukan pada aspek perundangan. Antaranya ialah seperti isu kekurangan peruntukan perundangan atas kelahiran komuniti berpagar (Azlinor Suffian, 2005) dan juga mengenai peruntukan perundangan pembangunan skim komuniti berpagar telah diperkenalkan dan digabungkan dalam pindaan terbaru *Strata Title Act 1985* (Azimuddin Bahari, 2007).

Terdapat juga penyelidik membuat kajian mengenai faktor-faktor yang mendorong orang ramai memilih komuniti berpagar semasa membeli harta tanah terutama rumah (Norida, 2006). Sazzelina (2006) pula mengkaji mengenai penilaian kesesuaian konsep “*gated community*” ke atas pembangunan “*landed property*” di kawasan Majlis Perbandaran Kajang.

Berkenaan keselamatan komuniti berpagar juga telah dikaji oleh banyak pihak. Wei (2006) telah menjalankan kajian mengenai persepsi penduduk terhadap keberkesanan komuniti berpagar dalam pencegahan jenayah antara perbandingan dengan perumahan komuniti berpagar dan perumahan terbuka.

Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada aspek ciri-ciri keselamatan dalam konsep komuniti berpagar di dua kawasan iaitu kawasan kediaman mendatar (*landed property*) dan kediaman bertingkat. Ini kerana konsep perumahan komuniti berpagar menawarkan ciri-ciri keselamatan yang pada umumnya dapat mengatasi masalah jenayah yang semakin meningkat.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan menekankan kepada ciri-ciri keselamatan di dalam kawasan harta tanah kediaman di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang. Ia amat penting kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung iaitu kepada:-

i. Masyarakat

Kajian ini menerangkan kepada pembeli tentang kediaman komuniti berpagar berkonsep ‘gated & guarded area’. Pembeli akan dapat mengetahui adakah konsep kediaman ini benar-benar member jaminan keselamatan kepada komunitinya atau sebaliknya.

ii. Pihak Keselamatan

Dengan terhasilnya kajian ini adalah diharapkan ia dapat membantu pihak syarikat keselamatan menyediakan kemudahan-kemudahan keselamatan yang efisien.

iii. Kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu kerajaan atau PBT merancang suatu pembangunan dengan konsep bandar selamat dari kegiatan jenayah.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan akan melalui beberapa peringkat. (Rujuk Rajah

1.1) Peringkat tersebut adalah seperti berikut:

Peringkat Pertama : Kajian Awalan

Peringkat ini melibatkan penerangan mengenai pengenalan terhadap kajian yang mengandungi kenyataan masalah, penentuan objektif kajian, skop dan limitasi kajian, kepentingan kajian kepada pihak-pihak terlibat serta terdapat penerangan mengenai metodologi kajian. Pada peringkat ini, bacaan awal daripada sumber rujukan seperti jurnal, kertas seminar, sumber Internet dan kajian tesis terdahulu dikaji untuk mengenal pasti masalah dan bidang kajian. Pencarian maklumat pada peringkat ini adalah merupakan pencarian yang paling asas pada kajian ini. Ia bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan bidang kajian yang dikaji dan seterusnya menjadi asas kepada pembentukan matlamat dan objektif kajian.

Peringkat Kedua : Kajian Literatur

Pada peringkat kedua, kajian literatur adalah bermatlamat untuk memahami fokus penyelidikan iaitu mengenai keselamatan dalam skim komuniti berpagar. Kajian literatur terhadap komuniti berpagar di seluruh dunia dan pelbagai isu yang berkaitan akan dibincangkan pada peringkat ini. Sumber bahan rujukan di perolehi berdasarkan kepada buku, artikel, jurnal, kajian terdahulu, sumber internet dan kertas bengkel/seminar.

Peringkat Ketiga: Kajian Pengumpulan Data / Maklumat

Peringkat ini akan memberi pengenalan mengenai kawasan kajian yang bakal dijalankan, di mana ia akan merangkumi kawasan yang terdapat di kawasan kajian, kemudahan dan aspek-aspek lain. Kajian pada peringkat ini merupakan kajian yang penting di mana data primer dan data sekunder yang diperlukan akan diperoleh untuk tujuan kajian. Data yang diperoleh akan digunakan untuk menyokong penjelasan penulis serta untuk menganalisis hasil kajian. Kajian ini akan memfokuskan peda kawasan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang.

i. Data primer

Data ini merupakan data yang boleh diperoleh hasil daripada temubual dan pengedaran borang soal selidik yang diedarkan kepada penghuni di kawasan kajian. Ini adalah bertujuan bagi mendapatkan lagi gambaran yang lebih jelas berkenaan kawasan kajian.

ii. Data Sekunder


Data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada pembacaan bahan-bahan bercetak seperti buku rujukan, kertas seminar, kertas kerja, keratin akhbar serta sumber-sumber lain.

Peringkat Keempat: Analisis Data dan Penemuan

Peringkat ini merupakan bahagian penganalisisan data-data primer yang telah dikumpulkan bagi membentuk hasil kajian bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Data-data yang dianalisis adalah berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak melalui pengedaran borang selidik. Kaedah sesuai akan digunakan adalah kaedah analisis dengan menggunakan perisian Microsoft Office Excel.

Peringkat Kelima: Rumusan

Peringkat ini merupakan peringkat terakhir dalam kajian ini di mana ia merumuskan semua hasil kajian yang telah diperoleh serta mengemukakan cadangan berdasarkan rumusan kajian analisis dan kesimpulan dalam keselamatan skim komuniti berpagar.



Rajah 1.1 : Carta Aliran Kerja

1.8 Struktur Organisasi Bab

Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima bab seperti yang dinyatakan di bawah iaitu:-

Bab 1 : Pendahuluan

Bab 1 mengandungi pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kaedah kajian, skop kajian dan kepentingan kajian

Bab 2 : Konsep keselamatan dalam perumahan komuniti berpagar

Bab 2 lebih menjurus kepada definisi-definisi, konsep-konsep dan prinsip-prinsip keselamatan berkaitan komuniti berpagar.

Bab 3 : Kawasan Kajian

Bab ini menerangkan berkenaan kawasan kajian kes yang dipilih bagi memenuhi kajian ini. Antara-perkara-perkara yang akan diterangkan dalam bab ini adalah latar belakang kajian kes dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan tersebut.

Bab 4: Analisis

Peringkat ini merupakan bahagian yang meliputi pembentukan soal selidik, persampelan soal selidik serta analisis output soal selidik. Analisis tersebut akan dilakukan dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu yang telah dikenal pasti.

Bab 5: Kesimpulan dan Cadangan

Bab terakhir ini mengandungi kesimpulan dan cadangan daripada hasil kajian ke atas pencapaian objektif-objektif yang telah dinyatakan pada peringkat awal kajian. Selain itu juga, cadangan-cadangan bagi kajian lanjutan akan diberikan sebagai kesinambungan dari kajian ini.